



# BErada dalam Kenangan, Senantiasa

RCCA Annie Lau Ai Na  
(Ahli perniagaan telefon bimbit)



Walaupun sebelum BE, RCCA Annie sudah merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya. Beliau memiliki 9 kedai telefon bimbit yang membawa jenama antarabangsa, seperti Huawei. Ini sememangnya kejayaan manis selama 18 tahun berusaha dalam perniagaan telefon bimbit. Jadi, mengapa bersusah-payah menceburkan diri dalam perniagaan MLM? Dan mengapa memilih BE daripada begitu banyak syarikat MLM lain? Annie berkongsi kisah kejayaannya secara terus-terang.

## BERmula secara sambilan

Annie secara lahiriah memang seorang yang suka bekerja. Sejak zaman persekolahan, beliau telah mula bekerja. Ketika beliau tamat persekolahan dan mula bekerja sepenuh masa, beliau mempunyai dua pekerjaan. Ketika memulakan perniagaan telefon bimbit, beliau juga melakukan pekerjaan sambilan.

“Apa yang boleh saya katakan? Begitulah cara saya dibesarkan. Ia terdapat di dalam darah saya,” beliau ketawa. “Saya suka akan kehidupan yang sibuk. Saya menikmati kerja dan menuai hasil kerja keras saya sendiri.”

Jadi, ketika beliau diperkenalkan kepada BE, secara semula jadi beliau menjalankan perniagaan tersebut secara sambilan, dan tidak pernah terfikir bahawa itu akan menjadi usaha sepenuh masanya.

“Pada mulanya, saya menjalankan BE secara sambilan kerana saya inginkan sesuatu yang dapat menarik perhatian saya daripada perniagaan telefon bimbit saya yang sibuk. Saya mula menyedari bahawa setiap orang di BE nampaknya seronok menjalankan perniagaan ini. Warga BE amat menyeronokkan, gembira dan bersemangat. Saya tertarik.”



## Daripada sambilan kepada keghairahan

Ketika Annie makin terlibat di dalam perniagaan BE, beliau menemui perbezaan antara BE dan perniagaan tradisional. “Ya, perniagaan telefon bimbit saya menguntungkan, tetapi tidak mudah. Jualan, inventori, stok mati, sewa, gaji - ini merupakan masalah yang paling merunsingkan saya. Menjalankan perniagaan BE, bagaimanapun, adalah bebas tekanan. Apa yang saya perlu lakukan hanyalah berkongsi dan bertemu dengan lebih banyak orang,” jelasnya.

“Dalam banyak pekerjaan saya, saya tidak pernah mengalami kepuasan sebanyak yang saya alami di BE. Melihat kehidupan berubah, dihargai, dan dapat bekerja sebagai sebuah keluarga di BE adalah kegembiraan yang murni,” kata Annie, “dan saya menjana pendapatan yang sama seperti yang saya peroleh daripada perniagaan telefon bimbit saya! Lebih baik lagi, saya tidak perlu bimbang tentang apa-apa!”

Dan beliau pasti bimbang teruk sekiranya beliau hanya mempunyai perniagaan telefon bimbitnya semasa MCO.

“Semasa MCO, perniagaan BE saya berterusan seperti biasa. Dari logistik hingga mesyuarat, aktiviti dan seminar dalam talian, syarikat memastikan semuanya berjalan secara lancar untuk kita. Banyak perniagaan terjejas teruk semasa MCO. Sebaliknya, cawangan BE Hong Kong dirasmikan seperti yang dijadualkan pada bulan Mei!”



## “Saya mahu dikenang”

Annie teringat ketika beliau menjadi seorang jurujual telefon bimbit (sebelum beliau memulakan perniagaan telefon bimbitnya). Ibunya amat bimbang dengan pendapatannya yang tidak tetap dan mengatakan bahawa orang ramai tidak akan membeli telefon bimbit setiap hari. “Tetapi orang ramai akan menginginkan kesihatan, kecantikan, kehidupan dan masa yang berkualiti serta kebebasan kewangan sepanjang masa,” katanya.

“Oleh itu, saya ingin menolong mereka mencapainya. Saya mahu dikenang sebagai Annie Lau, orang yang memberi inspirasi kepada orang dan mengubah kehidupan mereka. Dan saya akan melakukannya melalui BE.”